

PERUTUSAN DARI TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SEMPENA MENYAMBUT HARI MERDEKA MELALUI RADIO MALAYA PADA 31HB OGOS, 1962

31hb Ogos tahun 1957, 1958, 1959, 1960, 1961 dan 1962. Had besok ialah hari merayakan ulangtahun Kemerdekaan yang ke enam di Persekutuan Tanah Melayu semenjak negara ini Merdeka lima tahun dahulu.

Hari Merdeka ini bukanlah satu hari peringatan atau hari bersukaria sahaja. Hari ini hendaklah juga dijadikan hari mengukur kemajuan yang telah dicapai hingga sekarang dan hari kita mengira kejayaan yang telah diperoleh supaya dapat kita menentukan hahawa negara kita Tanah Melayu ini maju ke hadapan serta tetap raencapai tujuan-tujuan yang telah kita tetapkan pada hari Merdeka yang pertama dulu, iaitu tatkala fajar menyinsing menyinari alam Tanah Melayu yang baru Merdeka itu.

Sebagai sebuah negara yang muda lagi baru sudah sepatutnyalah kita berbangga melihat kemajuan yang telah kita capai dalam masa lima tahun yang lalu. Tuan-tuan semua tentu masih ingat lagi akan tempoh sebelum Merdeka dulu. Pada masa itu pengeritik-pengeritik serta orang-orang yang masih lagi ragu-ragu telah mengatakan kita belum lagi sedia untuk memerintah sendiri dan kemerdekaan mungkin bererti permulaan tamatnya zaman kemakmuran dan kebahagiaan di Tanah Melayu. Akan tetapi manusia dijadikan Tuhan untuk mencapai kejayaan bukannya untuk menjadi keciwa. Jarang benar seseorang itu dapat mengetahui akan kebolehan tenaga dan usahanya sebelum ia menghadapi tanggungjawab yang diberi kepadanya.

Kepada kita semua, Merdeka adalah yang sebenarnya berarti permulaan bagi mencapai kejayaan yang lebih besar dan lebih berfaedah. Merdeka adalah menjadi asas perkembangan, kebahagiaan dan keselamatan dalam negara kita ini serta menetapkan kemajuan dengan jalan beransur-ansur dan tetap maju menuju suatu cara hidup dan tetap menuju satu cara hidup yang lebih

baik dalam kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan bandar. Dan dengan Merdeka muncullah usaha dan tenaga yang ber-sungguh-sungguh pada menumpukan pembinaan negara dan kita semua telah bersama-sama menyertainya dengan semangat yang teguh dan dengan hati yang tabah.

Hal ini semuanya telah menakjubkan negara-negara yang lain yang bebas dalam dunia hari ini dan mereka telah memuji-muji kejayaan kita. Pelawat-pelawat yang datang ke negeri kita ini dengan tidak terbilang banyaknya semuanya tertarik hati dengan kejayaan yang telah kita capai dalam masa lima tahun semenjak Merdeka.

Kita bukannya minta dipuji. Kita hanya berkehendakkan kemajuan. Akan tetapi pujian telah datang dengan mencurah-curah itu adalah menunjukkan bahawa kita sedang mencapai tujuan-tujuan itu dengan beransur-ansur sebagaimana yang telah kita sendiri tetapkan iaitu apa yang kita kehendakkan ialah hasil khasnya dalam Rancangan Pembangunan Negara. Hasil-hasil dan kemajuan dengan sendirinya menunjukkan dengan nyatanya kejayaan kita itu.

Jika kita berjalan melalui bandar-bandar dan kawasan-kawasan luar bandar maka dapatlah diperhatikan dengan nyata akan bukti kemajuan yang telah kita capai dari sehari ke sehari. Di tiap-tiap cerok rantau di muka bumi negara kita ini, di kampung-kampung, di kampung-kampung baru, di bandar-bandar dan juga di bandar-bandar besar ada beratus-ratus macam rancangan-rancangan pembangunan yang pada mulanya dirancang di atas kertas dan kemudiannya dibuat segala persiapannya. Rancangan-rancangan ini telahpun dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan hingga tercapai segala tujuan-tujuan kita itu.


Hari Merdeka ialah hari Kebangsaan kita. Marilah kita membanggakan negara kita dan sentiasa berjaga-jaga supaya tidak dipengaruhi oleh faham Kebangsaan yang sempit. Jika faham Kebangsaan yang sempit itu dibiarkan hidup dengan perasaan yang meluap-luap maka sifat bertolak ansur dan tali persahabatan kita dengan negeri-negeri lain yang bebas akan terkecewa. Dengan yang demikian maka terganggu lah keamanan dan ketenteraman dunia.

Semenjak Merdeka, Tanah Melayu telah mendapat nama yang harum di serata dunia sebagai sebuah negara yang bertimbangrasa. Bertimbangrasa kepada ugama-ugama lain dan bertimbangrasa kepada perhubungan berbaik-baik antara berbagai-bagad bangsa.

Berkenaan dengan perasaan bertimbangrasa dalam lapangan ugama sebagai rakyat yang hidup dalam sebuah negara, yang bersatupadu kita hendaklah bertimbangrasa kepada ugama-ugama lain. Dalam negara ini ada beberapa kumpulan ugama dan kita hendaklah memberikan kebebasan beribadat dengan sepenuhnya supaya tiap-tiap kumpulan itu dapat kebebasan dalam hak menganut serta menguruskan hal-hal ugama masing-masing dan dalam mendirikan serta memelihara tempat-tempat pelajaran bagi maksud-maksud ugama. Berkenaan dengan perasaan bertimbangrasa kepada bangsa-bangsa lain adalah terbukti sebagai satu keterangan dari segi ilmu sains, maka tidak ada seseorang pun kanak-kanak yang dilahirkan dengan perasaan perkauman dari semulajadinya. Dan mana-mana negeri yang ada persehsihan antara berbagai-bagai bangsa di dalamnya, persehsihan itu adalah disebabkan oleh bentuk susunan masyarakat yang pincang dari zaman ke zaman dalam negeri itu. Kita di Tanah Melayu telah membuktikan bahawa pergaulan dan kerjasama di antara berbagai-bagai bangsa yang telah menolong membentuk satu bangsa Tanah Melayu yang tulin itu adalah menguatkan kedudukan negara kita. Oleh yang demikian perkara yang telah mendatangkan faedah bukannya kerugian. Marilah kita sentiasa mengingatkan perkara ini supaya kita kekal menjadi satu tauladan kepada dunia iaitu dunia yang sedang maju dengan beransur-ansur meninggalkan awan yang gelap di lapangan masyarakat menuju ke arah kebahagiaan, keamanan dan hidup berbaik-baik dengan perasaan saling mengerti di antara bangsa.

Dalam mas; i lima tahun semenjak Merdeka kita telah mencapai lebih banyak kejayaan daripada yang boleh kita capai dalam masa lima puluh tahun di bawah pemerintahan bangsa asing. Maka perasaan banggakan negara, keazaman dan tabah hati inilah yang liendak kita sampaikan kepada saudara mara dan sahabat handai lata dalam negeri Brunei, Sabah, Sarawak dan Singapura.. Manakala kita menjemput mereka menyertai kita sebagai rakan-rakan sepejuang yang sama setaraf, bebas dan merdeka, sama menyatukan tenaga dengan perasaan muhibah dan sama menumpukan berbagai-bagai usaha untuk membina negara Malaysia yang kuat,

kukuh dan selamat yang akan dibicara dan dihakimkan. kelak oleh keturunan kita pada masa hadapan. Sebuah negara. Malaysia yang boleh dibanggakan oleh anak cucu kita sekalian kelak tentang kemajuannya sama seperti yang kita banggakan pada hari Merdeka ini. Merdeka Tanah Melayu, Merdeka Malaysia.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang berjabat tangan dengan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebelum berlepas ke London untuk menghadiri Persidangan Perdana Menteri Commonwealth di Lapangan Kapal Terbang Kuala Lumpur pada 8hb September, 1962.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)



**Tun Abdul Razak bin Hussein sedang memeriksa Bilik Gerakan Negeri Pembangunan
Luar Bandar, Pulau Pinang pada 21hb September 1962.
(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)**



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang disambut di Majlis Perasmian Pembukaan Sekolah Ugama Sungai Ara, Pulau Pinang pada 21 hb September, 1962.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)